

# **LAPORAN AKHIR**

## **Kajian Sistem Pemantauan Hubungan Etnik di Malaysia (KITA-MESRA™)**

**Disediakan oleh:**

**INSTITUT KAJIAN ETNIK (KITA)  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**Untuk:**  
**JABATAN PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL  
(JPNIN)**

**FEBRUARI 2013  
Bangi, Selangor**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

### Kajian Sistem Pemantauan Hubungan Etnik di Malaysia (KITA-MESRA™)

#### Pengenalan

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai rakyat pelbagai etnik dan agama. Lumrah alam selalunya apabila mempunyai perbezaan, maka akan mudah timbul perbalahan.

Namun, secara umumnya hubungan etnik di negara ini menurut Shamsul A.B.(2005) masih berada pada tahap ketegangan yang stabil (*stable tension*), iaitu, satu fenomena yang dikenalpasti pada permulaan kajian ini. Apa yang dimaksudkan sebagai ketegangan yang stabil adalah apabila kita dapat melihat di mana rakyat boleh terus hidup secara harmoni, bersikap toleransi, walaupun wujud prejudis dan syak wasangka antara satu sama lain.

Secara realitinya, hubungan etnik berada pada tahap ketegangan yang stabil. Fenomena ini cuba difahami melalui kajian ini yang meneliti secara mendalam apakah sebenarnya yang mendasari fenomena tegang tapi stabil ini. Berdasarkan kajian awal ini, kita mendapati sebenarnya apa yang dianggap sebagai *stable tension* itu wujud kerana adanya kesepaduan sosial yang mengikat erat masyarakat berbilang kaum dalam Malaysia, tetapi perjalanan ke arah perpaduan tidak semudah seperti yang diharapkan. Ikatan dalam kesepaduan sosial ini sering kali ditandakan dengan pertengkaran kecil namun berjaya diselesaikan dengan segera.

Ikatan ini sebenarnya bertiang-serikan perundingan, tolak ansur dan persetujuan antara pelbagai kelompok sosial berbeza, biarpun setiapnya bebas untuk menyuarakan kepentingan masing-masing. Justeru itu jalan kearah perpaduan rakyat negara ini sebenarnya telah dibentuk oleh ‘kesepaduan dalam kepelbagai’ dengan destinasi terakhirnya *unity in diversity* atau perpaduan nasional. Biarpun demikian, kesepaduan sosial yang dinikmati Malaysia tidak boleh diambil mudah. Dalam kata lain, ‘perpaduan’ yang kita idamkan itu seperti kata Shamsul A.B. (2011) masih dalam bentuk *work in progress* yang tidak boleh dinilai dengan nombor-nombor kaku. Yang perlu kita lakukan secara berterusan adalah untuk memantau apa yang berlaku dalam proses *work-in-progress* ini.

Oleh yang demikian, satu sistem pemantauan hubungan etnik di Malaysia perlu dilaksanakan agar ianya dapat juga berfungsi sebagai sistem amaran awal yang dapat memaklumkan kepada kerajaan sekiranya ada menghiku punca-punca permasalahan yang boleh membawa kepada masalah perkauman yang lebih serius.

Usaha ini dilakukan lebih-lebih lagi untuk memastikan ketegangan etnik dapat dikesan dengan lebih awal. Sekiranya dikenal pasti, ianya perlu diatasi sebelum berlaku perkara-perkara di luar kawalan.

Sehingga ke hari ini belum lagi ada kajian atau sistem yang dibangunkan dengan menggunakan kerangka konsep berteraskan perspektif positif untuk melihat dan memantau persoalan sebenar apakah perkara yang menyebabkan terjadinya masalah hubungan etnik dalam negara kita.

Sistem ini berfungsi untuk membaca reaksi rakyat kepada keadaan sekeliling, terutama kepada hal-hal yang menjadi keutamaan kepada kehidupan seharian masyarakat. Persoalannya di sini, apakah perkara-perkara yang menjadi keutamaan rakyat?

Berdasarkan kajian awal, hasil penemuan kajian ini mendapati bahawa antara indikator penting untuk kita membaca reaksi masyarakat adalah melihat kepada perkara-perkara yang melibatkan kualiti hidup mereka, seperti pendapatan bulanan mereka, perkhidmatan kesihatan yang mereka perolehi, sistem pendidikan yang mendidik anak-anak mereka, sistem pengangkutan awam, tahap keselamatan keluarga mereka, kawasan tempat tinggal mereka dan alam sekitarnya, dan yang tidak kurang pentingnya pada hari ini adalah melihat bagaimana rakyat menggunakan medium komunikasi maya dalam menguruskan keluarga dan hal-hal peribadi masing-masing. Indikator-indikator yang digunakan ini adalah indikator positif yang diperlukan untuk memberi gambaran kualiti hidup yang dinikmati oleh rakyat.

Kesemua ini menjadi penting untuk kita terjemahkan sebagai petunjuk yang jelas ke atas tahap hubungan antara etnik dalam negara pada satu-satu masa nanti. Ini penting untuk dipantau bagi membolehkan dasar-dasar kerajaan yang sesuai diperkenalkan bagi kita mengelakkan isu-isu perkauman merebak mencapai tahap kritis.

## **Latar Belakang dan Metodologi KITA-MESRA™**

Seperti yang dinyatakan, kajian ini bertujuan untuk memantau hubungan etnik di Malaysia. Melalui kajian ini satu ‘Sistem Pemantauan Hubungan Etnik di Malaysia’ dibina dan dikenali dengan nama singkatannya ‘KITA-MESRA’ atau dalam Bahasa Inggerisnya ‘*Malaysian Ethnic Relation Monitoring System*’ (MESRA). KITA adalah singkatan bagi Institut Kajian Etnik. KITA-MESRA™ diharapkan dapat melahirkan gambaran jelas tentang tahap hubungan etnik dalam negara pada bila-bila masa.

KITA-MESRA akan menjadi **sebuah sistem amaran awal** yang dapat memberi maklumat awal sekiranya ada potensi akan wujud masalah antara kaum di Malaysia. KITA- MESRA dibina berdasarkan indikator-indikator positif berteraskan indeks kualiti hidup negara. KITA-MESRA adalah usaha untuk memahami denyut nadi masyarakat dan di mana didapati berlaku pertentangan antara suara rakyat dengan dasar-dasar negara maka penyelidik dalam projek ini dapat menyediakan kertas makluman sebagai amaran awal yang boleh dipanjangkan kepada pihak-pihak berwajib.

Apa yang penting adalah agar harmoni terjalin dan tahap hubungan etnik di negara ini dan kestabilan negara terus terjaga. Kajian ini adalah berbentuk *top down* yang mengutamakan implikasi dasar dengan mengambilkira kepentingan negara dan juga antarabangsa.

Projek ini dilaksanakan berdasarkan kepada tiga hipotesis penting :

1. Kualiti hidup yang baik akan menentukan tahap harmoni antara kaum di Malaysia.
2. Tahap harmoni antara kaum di Malaysia bergantung kepada dasar-dasar negara dan perlaksanaanya.
3. Pandangan, interaksi, alignment dan persaingan di kalangan rakyat pelbagai lapisan akan memberi kesan ke atas dasar-dasar negara.

Kajian memberi tumpuan kepada tahap kualiti hidup. Kualiti hidup yang baik bersandarkan kepada indikator positif seperti tahap pendapatan, pendidikan, perumahan, keselamatan, alam sekitar, penyertaan sosial, kesihatan dan pengangkutan telah digunakan dalam kajian ini.

Kajian ini juga menggunakan kawasan pilihanraya Parlimen di Malaysia sebagai unit analisis. Ini bagi membolehkan sampel responden yang mewakili pengundi sesebuah kawasan itu benar-benar menggambarkan demografik pengundi tempatan. Untuk mengukur tahap hubungan etnik setempat, kajian ini telah menggunakan 8 indikator daripada Indeks Kualiti Hidup yang dibina oleh EPU disamping beberapa soalan tambahan untuk mengkaji keadaan semasa.


Seperti yang kita sedia maklum, penyuaran rasa tidak puas hati rakyat, sama ada dilahirkan dalam idiom perkauman atau kelas, adalah berkenaan susah-senang hidup mereka dan juga masa depan anak-anak mereka. Sekiranya kita boleh mengukur tahap kualiti hidup setiap sektor yang mewakili kelompok-kelompok etnik dalam sesuatu kawasan Parlimen, kita dapat membina suatu analisis mengenai pola ekonomi dan reaksi politik rakyat terhadap keadaan mereka.

Daripada segi teknikalnya, Sistem ini terbahagi kepada empat bahagian :

- 1) Pengumpulan Data
- 2) Pemprosesan Data
- 3) Simpanan Data
- 4) Visualisasi

Aliran data adalah mengikut urutan sistem. Pengumpulan data adalah untuk mendapatkan data yang dikutip melalui kaedah tinjauan semasa di lapangan kemudian diolah untuk membentuk maklumat yang boleh dan senang difahami. Maklumat ini digabungkan dengan data setiap kawasan agar dapat menghasilkan paparan visual yang dapat menunjukkan peta kawasan kajian. Maklumat yang dimasukkan disimpan dan akan digabungkan. Kemudian data akan dikeluarkan dengan menggunakan satu sistem yang akan menghubungkan data dan maklumat yang telah disimpan sebelum ini.

*Gambar rajah 1*



Merujuk pada Gambar rajah 1, data yang diperolehi daripada hasil pengumpulan data diproses dengan menggunakan *Standard Package For Social Sciences* (SPSS) untuk membentuk maklumat yang mudah difahami. Maklumat ini kemudian dianalisis untuk menyediakan data bagi setiap kawasan dan disimpan sementara di repositori simpanan maklumat.

Dengan menentukan kualiti hidup kumpulan etnik yang berbeza di kawasan-kawasan tertentu, pola ekonomi dan reaksi politik masyarakat terhadap keadaan hidup mereka dapat dianalisis. Oleh kerana itu, potensi ketegangan kaum dapat dinilai di setiap kawasan yang berbeza. Keprihatinan tentang ketegangan kaum membolehkan pencegahan awal diambil.

Cara untuk menyediakan data kawasan adalah dengan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Maklumat daripada analisis data digabungkan dengan data setiap kawasan untuk memaparkan maklumat pada peta. Maklumat dianalisis dan digabungkan dengan peta akan disimpan di dalam pusat data simpanan maklumat. Lebih banyak data simpanan gabungan maklumat membolehkan maklumat dapat dipaparkan sewaktu diperlukan. Data simpanan maklumat mempunyai kapasiti untuk menyimpan sejumlah besar maklumat yang diperolehi dari seluruh kawasan dan dari pelbagai negeri.

Akhirnya, maklumat yang dibentuk daripada data dalam simpanan dapat di pilih untuk dipaparkan bagi tujuan persempahan untuk menjelaskan dengan jelas kedudukan perkara sebenar tentang tahap hubungan kaum dalam negara. Seperti yang ditunjukkan dalam Gambar rajah 1 maklumat tersebut akan ditunjukkan melalui peta kawasan atau yang biasa digambarkan dengan carta pai atau carta bar. Ia juga dapat dipersembahkan melalui ilustrasi, diagram dan grafik jenis lain seperti yang diperlukan oleh penyelidik dalam memberi penerangan terhadap hasil penemuan mereka.

## **Objektif Kajian**

- 1) Mengenalpasti pola dan bentuk kualiti hidup masyarakat
- 2) Menganalisis hubungan pola kualiti hidup dengan lokasi dan etnik
- 3) Mengukur impak dasar, perlaksanaan dan urustadbir negara ke atas masyarakat
- 4) Membina satu sistem pemantauan (sistem amaran awal) yang dapat memberi gambaran sebenar tahap hubungan etnik di kalangan rakyat pelbagai kaum di Malaysia pada bila-bila masa yang diperlukan dan di mana juga tempat pemusatannya.

Untuk mencapai objektif-objektif ini dan seperti yang dijelaskan, kajian ini telah melalui beberapa fasa penyelidikan.

### Fasa Pertama

Untuk fasa pertama lima kawasan Parlimen telah pun dikaji. Kawasan-kawasan rintis tersebut adalah kawasan Parlimen Serdang, Sri Aman, Tasek Gelugor dan Temerloh. Kawasan-kawasan ini dipilih berdasarkan demografi penduduk yang mewakili Utara, Tengah dan Timur Semenanjung dan Sabah Sarawak.

Kajian rintis fasa pertama ini dilihat telah mula memberi implikasi kepada dasar, penyelidikan dan pembangunan pada masa hadapan. Projek ini memang sejak daripada mula lagi telah memberi penumpuan kepada dasar. Malah dalam peringkat kajian rintis untuk projek ini sahaja ia telah membuktikan hasil sehingga YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab menjaga Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah meminta untuk satu

pembentangan dibuat dan juga telah memberi surat sokongan beliau kepada Perdana Menteri agar projek ini mendapat pembiayaan tambahan daripada pihak kerajaan. Hasil penemuan daripada kajian ini dapat membuka ruang dan peluang pada masa hadapan untuk penyelidikan susulan dan sudah semesti implikasinya kepada pembangunan negara cukup besar.

### Fasa Kedua

Untuk fasa kedua ini, sebagaimana pemilihan kawasan pada fasa pertama, pemilihan kawasan bagi kajian KITA-MESRA fasa kedua juga memilih kawasan yang berupaya menunjukkan hasil seluruh Malaysia. Sebanyak 15 kawasan parlimen dipilih dan dibahagikan mengikut beberapa bahagian.

Kawasan fasa kedua ini telah dibahagikan mengikut bahagian-bahagian berikut:

1. Bahagian Utara Semenanjung Malaysia	Alor Star, Arau, Bayan Baru
2. Bahagian Tengah Semenanjung Malaysia	Tanjong Malim, Lembah Pantai, Seremban
3. Bahagian Selatan Semenanjung Malaysia	Kota Melaka, Batu Pahat dan Pasir Gudang
4. Bahagian Timur Semenanjung Malaysia	Machang dan Kuala Terengganu
5. Bahagian Sabah	Tawau dan Tuaran
6. Bahagian Sarawak	Mambong dan Kuching

Faktor penting dalam memilih kawasan fasa kedua ini adalah melihat kepelbagaian komposisi kaum setiap kawasan. Perkara ini bertujuan untuk melihat kaitan antara komposisi kaum dan hubungan antara kaum dalam masyarakat setempat. Selain daripada itu, 15 kawasan ini dipilih sebagai kawasan kajian MESRA fasa kedua adalah kepelbagaian orientasi ekonomi dan status ekonomi masyarakat setempat. Faktor ini penting untuk melihat hubungan antara tahap ekonomi masyarakat dengan tahap hubungan antara kaum. Melalui kelas ekonomi dalam masyarakat pelbagai, kita dapat melihat bagaimana interaksi antara kaum dalam masyarakat miskin, kelas menengah dan dengan kelas menengah atas.

Status kawasan Parlimen juga merupakan perkara penting yang diambil kira dalam pemilihan kawasan fasa dua ini. Jika digabungkan 15 kawasan Parlimen fasa kedua dan lima kawasan Parlimen fasa pertama didapati 40 peratus adalah kawasan bandar, 35 peratus pekan dan 25 peratus kawasan luar bandar. Pemilihan status kawasan yang pelbagai ini bertujuan melihat perbandingan hubungan kaum antara masyarakat bandar dan masyarakat luar bandar. Kawasan-kawasan ini juga dipilih kerana mahu melihat hubungan antara proses pembandaran ke atas hubungan etnik di Malaysia.

Sebagaimana pemilihan kawasan pada fasa pertama, fasa kedua juga memilih kawasan mengikut kepelbagaian parti politik yang menang pada pilihan raya umum yang lalu. Pemilihan kawasan kajian ini menunjukkan bahawa hasil kajian ini berupaya mewakili Malaysia tanpa tertumpu kepada satu parti politik. Hal ini menjelaskan bahawa kajian ini neutral dan tidak bias kepada mana-mana parti politik, yang penting kita dapat menilai persepsi rakyat di kawasan-kawasan yang kita pilih.

## **Dapatan Kajian dan Kesimpulan**

Kajian ini mempunyai 4 objektif utama, iaitu:

- 1) Mengenalpasti pola dan bentuk kualiti hidup masyarakat
- 2) Menganalisis hubungan pola kualiti hidup dengan lokasi dan etnik
- 3) Mengukur impak dasar, perlaksanaan dan urustadbir negara ke atas masyarakat
- 4) Membina satu sistem pemantauan (sistem amaran awal) yang dapat memberi gambaran sebenar tahap hubungan etnik di kalangan rakyat pelbagai kaum di Malaysia pada bila-bila masa yang diperlukan dan di mana juga tempat pemerintahannya.

Objektif 1, 2 dan 3 telah dicapai melalui penemuan dalam laporan analisis keseluruhan kawasan kajian. Dapat disimpulkan disini bahawa rata-rata responden kajian ini mempunyai bentuk kualiti hidup yang agak baik. Daripada lapan indikator kualiti hidup yang dikaji, hanya pendapatan dan penyertaan sosial masyarakat sahaja yang perlu diberi perhatian mendalam. Manakala keselamatan, alam sekitar dan pengangkutan adalah antara perkara yang perlu diberi penelitian

dalam konteks Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Indikator-indikator mengenai sistem pendidikan, perumahan dan kesihatan mencapai tahap kepuasan yang baik.

Analisis kajian juga telah mencapai objektif nombor 2 di mana pola kualiti hidup telah di diselidiki melalui lokasi dan etnik. Kesimpulan penting daripada penemuan ini menunjukkan andaian selama ini bahawa masalah kemiskinan bukan lagi masalah satu-satu kaum kerana semua kaum mempunyai masalah dalam menguruskan keperluan isi rumah. Begitu jugalah dengan masalah ketidak-puasan hati terhadap dasar kerajaan. Andaian yang biasa bahawa kaum Cina di Negara ini sering tidak berpuashati terhadap dasar kerajaan juga meleset kerana hasil kajian ini menunjukkan bahawa semua kaum, daripada semua kelas sosial dan semua tahap pendidikan juga mempunyai masalah ketidak-puasan hati terhadap dasar kerajaan.

Seperti yang dijelaskan, kawasan-kawasan kajian dipilih berdasarkan beberapa indikator penting. Antaranya adalah daripada segi komposisi kaum (kawasan majoriti Melayu, majoriti bukan melayu, kawasan campuran), kawasan bandar-luar bandar, berdasarkan kelas sosial, dan mengikut kepelbagaian parti politik dan sokongan masyarakat.

Namun daripada hasil kajian kita dapat banyak faktor yang mempengaruhi tahap kualiti hidup responden dan tahap hubungan kaum dan bukan hanya faktor lokasi dan komposisi kaum. Jika dilihat secara purata diperingkat nasional, didapati hanya lebih sedikit daripada separuh yang mempunyai persepsi bahawa pendapatan mereka agak cukup untuk menampung isi rumah. Namun majoriti merasakan mereka tidak yakin akan mempunyai pekerjaan pada masa hadapan dan separuh lagi yang merasakan mereka tidak mampu untuk menabung bagi masa hadapan.

Hasil kajian peringkat nasional ini sekiranya dilihat di setiap kawasan kajian, dalam konteks soalan kualiti hidup mengenai pendapatan, kita akan dapat melihat bahawa kawasan Parlimen Arau yang mempunyai majoriti kaum Melayu mempunyai penemuan yang tidak jauh bezanya dengan kawasan Parlimen Kota Raja yang merupakan kawasan campuran. Begitu juga kalau dilihat kawasan bandar seperti Alor Setar, jawapan responden tentang persepsi mereka mengenai kualiti hidup tentang pendapatan, tidak jauh bezanya dengan kawasan luar bandar seperti Machang.

Kajian ini juga dengan jelas menunjukkan bahawa kebanyakannya masalah bukanlah yang berkaitan dengan hubungan kaum, tetapi yang perlu diberi perhatian tertumpu kepada isu-isu urus tadbir/governans yang memerlukan tindakan pihak berkuasa tempatan, seperti isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar, perumahan, pengangkutan, kesihatan, dan keselamatan.

Daripada segi dasar kerajaan, hampir 70% daripada responden keseluruhan merasakan bahawa dasar kerajaan hanya memenuhi sebahagian kecil kehendak rakyat, manakala 8.09% berpendapat ianya tidak memenuhi kehendak rakyat langsung. Hanya 14.71% responden merasakan bahawa dasar negara telah memenuhi sebahagian besar kehendak rakyat.

Ini menunjukkan bahawa dasar yang tidak memenuhi kehendak rakyat akan menimbulkan keresahan dan perasaan tidak puas hati dalam kalangan rakyat. Memahami kehendak dan keperluan rakyat adalah syarat penting dalam menentukan pelaksanaan dasar yang dapat memberi impak dan urustadbir yang baik.